



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

### **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 33 TAHUN 2005**

---

#### **PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN PENGURUS ASRAMA DAN PENOLONG PENGURUS ASRAMA**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai perubahan skim perkhidmatan Pengurus Asrama Gred N41, N44 dan Penolong Pengurus Asrama Gred N27, N32, N36 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Pada masa ini skim perkhidmatan Pengurus Asrama hanya memperuntukkan syarat lantikan melalui kaedah Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) daripada skim perkhidmatan Penolong Pengurus Asrama di mana syarat KPSL yang ditetapkan adalah lulus Peperiksaan Khas. Oleh yang demikian Penolong Pengurus Asrama yang

memperolehi kelayakan ijazah semasa dalam perkhidmatan tidak boleh dipertimbang untuk dinaikkan pangkat secara KPSL ke skim perkhidmatan Pengurus Asrama. Di samping itu, tidak terdapat perbekalan lantikan terus untuk ke skim perkhidmatan ini dari kalangan calon-calon berkelayakan ijazah.

3. Bagi skim perkhidmatan Penolong Pengurus Asrama pula, syarat lantikan adalah Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dengan gaji permulaan P1T1 atau Diploma Perkhidmatan Pengurusan Makanan dengan gaji permulaan P1T5. Syarat ini adalah didapati terlalu khusus dan kadang kala menyukarkan Pihak Berkuasa Melantik (PBM) untuk membuat pemilihan.

4. Berdasarkan fakta-fakta di perenggan 2 dan 3 di atas, Kerajaan bersetuju supaya perubahan dibuat ke atas skim perkhidmatan Pengurus Asrama dan Penolong Pengurus Asrama. Perubahan yang dilakukan adalah bertujuan untuk meluaskan skop pengambilan bagi skim perkhidmatan Pengurus Asrama manakala bagi Penolong Pengurus Asrama pula, skim perkhidmatan baru ini memberi pilihan kepada pegawai sedang berkhidmat untuk menduduki Peperiksaan Khas atau memperolehi ijazah bagi KPSL ke Pengurus Asrama di samping meluaskan lagi skop pengambilan dari kalangan calon-calon yang memiliki diploma dalam pelbagai bidang.

#### **SKIM PERKHIDMATAN PENGURUS ASRAMA DAN PENOLONG PENGURUS ASRAMA**

5. Perubahan yang dilakukan terhadap skim perkhidmatan Pengurus Asrama adalah dengan memasukkan kelayakan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana Muda Kepujian bagi syarat lantikan terus ([bidang-bidang kelayakan berkaitan dilampirkan bersama-sama teks skim perkhidmatan bagi memudahkan PBM dalam urusan pelantikan](#)). Gaji permulaan bagi kelayakan Ijazah Sarjana Muda ialah P1T1 manakala bagi Ijazah Sarjana Muda Kepujian, gaji permulaan ialah P1T3. Selain itu, syarat KPSL daripada Penolong Pengurus Asrama juga turut diubah di mana selain syarat lulus Peperiksaan Khas,

Penolong Pengurus Asrama juga boleh dipertimbangkan KPSL ke Pengurus Asrama sekiranya memperoleh ijazah dalam bidang yang bersesuaian.

7. Bagi skim perkhidmatan Penolong Pengurus Asrama pula, perubahan yang dilakukan adalah dengan menggugurkan kelayakan diploma dalam bidang perkhidmatan pengurusan makanan dan menggantikannya dengan kelayakan diploma dalam bidang berkaitan ([bidang-bidang kelayakan berkaitan dilampirkan bersama-sama teks skim perkhidmatan bagi memudahkan PBM dalam urusan pelantikan](#)).

8. Skim-skim perkhidmatan Pengurus Asrama dan Penolong Pengurus Asrama adalah seperti di [Lampiran A1](#) dan [A2](#) sementara format iklan jawatan adalah seperti di [Lampiran B1](#) dan [B2](#). Penghuraian kerja bagi Pengurus Asrama dan Penolong Pengurus Asrama bagi setiap gred adalah seperti di [Lampiran C1](#) dan [C2](#). Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan ini adalah seperti di [Lampiran D1](#) dan [D2](#).

#### **TARIKH KUAT KUASA**

9. Tarikh kuat kuasa perubahan skim perkhidmatan Pengurus Asrama dan Penolong Pengurus Asrama ialah mulai **1 Januari 2006**.

#### **PEMBATALAN**

10. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim-skim perkhidmatan Pengurus Asrama dan Penolong Pengurus Asrama yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan dan digantikan dengan skim perkhidmatan dalam pekeliling perkhidmatan ini. Semua pelantikan mulai 1 Januari 2006 hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baru. Perubahan skim perkhidmatan ini tidak melibatkan penyandang sedia ada.

## **PEMAKAIAN**

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ismail Adam', with a long horizontal stroke extending to the right.

**( DATO' SRI ISMAIL ADAM )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

27 Disember 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan